

**Najib Ucap Takziah Kepada Keluarga Mangsa Nahas Pesawat MASwings
Bernama
11 Oct, 2013**

KUALA LUMPUR, 11 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa nahas pesawat Twin Otter MASwings yang terhempas di Kudat, Sabah.

Najib menerusi tweet terbaharu beliau turut mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam operasi menyelamat.

"Terima kasih atas usaha anda," katanya.

Insiden pada 2.50 petang Khamis itu dalam kawasan Lapangan Terbang Kudat meragut dua nyawa iaitu pembantu juruterbang MASwings, March Joel Bansh, 22, dan penumpang Tan Ah Chai, 69.

Semasa kejadian, pesawat malang itu sedang dalam perjalanan dari Kota Kinabalu ke Kudat dan membawa 16 penumpang.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=985101>